




“Walaupun baru dua hari dipilih sebagai wakil rakyat, **ia menjadi pengalaman pertama yang berharga buat saya** bagi memberi khidmat terbaik kepada seluruh penduduk Kuala Selangor”

**Irmohizam Ibrahim,**  
Ahli Parlimen Kuala Selangor



“Walaupun banyak harta benda musnah, tetapi **saya syukur seluruh ahli keluarga saya selamat**”

**Zaiton Mohd Noor,**  
Mangsa banjir



Beberapa kawasan rumah yang **mengalami banjir mendadak** di Kampung Rantau Panjang yang mencecah paras pinggang tidak dapat menyelamatkan peralatan termasuk kenderaan dan peralatan dapur.

[ FOTO SUZAINI SULAIMAN/ BH ]



# YB bantu mangsa banjir

» **Irmohizam bersama pasukan penyelamat memindahkan 31 keluarga ke pusat penempatan sementara di balai raya**

**Oleh Suzaini Sulaiman**  
bhnews@mediaprima.com.my

► **Bestari Jaya**

**T**ugas pertama sebaik saja dipilih sebagai Ahli Parlimen Kuala Selangor dari Barisan Nasional (BN), Datuk Irmohizam Ibrahim, membantu 31 keluarga Kampung Rantau Panjang selepas rumah mereka dinaiki air pagi semalam.

Beliau bersama pasukan penyelamat memindahkan mangsa banjir ke pusat penempatan sementara di balai raya kampung berkenaan, apabila rumah penduduk dinaiki air separas pinggang (0.6 meter) selepas hujan lebat sejak lebih lapan jam.

Irmohizam berkata, beliau ber-

gegas membantu mangsa banjir sejurus dimaklumkan mengenai kejadian itu pagi semalam.

**Pengalaman pertama**

“Walaupun baru dua hari dipilih sebagai wakil rakyat, ia menjadi pengalaman pertama yang berharga buat saya bagi memberi khidmat terbaik kepada seluruh penduduk Kuala Selangor.

“Alhamdulillah, saya mendapat kerjasama baik daripada semua agensi Kerajaan Persekutuan dalam membantu mangsa termasuk sempat mengagihkan bekalan makanan kepada mangsa.

“Pada masa sama saya akan cuba membantu meringankan beban mangsa banjir. Selain itu, saya sudah mendapatkan kerjasama daripada polis untuk memastikan keselamatan rumah mereka yang

ditenggelami banjir terpelihara, selain pihak Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) bagi menyediakan air bersih di pusat pemindahan,” katanya kepada pemberita selepas melawat dan membantu mangsa banjir serta mengedarkan bantuan makanan, semalam.

**Sering dilanda banjir**

BH difahamkan, kawasan terbabit sering dilanda banjir dan pada 5 Mac tahun lalu, sejumlah 71 keluarga dipindahkan selepas lima kampung di Jeram dinaiki air.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) Rantau Panjang, Rahim Mohd Yatim, berkata air sungai berhampiran melimpah dan menenggelam rumah yang didiami lebih 105 orang di kawasan berkenaan.

**Air naik mendadak**

“Air naik mendadak selepas hujan tidak henti-henti sejak petang semalam (kelmarin) menyebabkan penduduk terpaksa diarahkan berpindah.

“Dengan bantuan penduduk anggota Jabatan Pertahanan Awam, polis dan pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Selangor (PTDKS), kami menempatkan mangsa di balai raya ini,” katanya.

Mangsa banjir, Zaiton Mohd Noor, 40 berkata, beliau dihubungi suaminya mengenai banjir yang menenggelamkan rumahnya.

“Saya pada mulanya tidak menyangka akan dilanda banjir kilat meskipun tahu hujan sejak malam tadi. Walaupun banyak harta benda musnah, tetapi saya syukur seluruh ahli keluarga saya selamat,” katanya.